

# PROGRAM PERJUMPAAN PANGLIMA OPERASI UDARA BERSAMA PEGAWAI DAN PEGAWAI WARAN PU BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3048-program-perjumpaan-panglima-operasi-udara-bersama-pegawai-dan-pegawai-waran-pu-butterworth-2](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3048-program-perjumpaan-panglima-operasi-udara-bersama-pegawai-dan-pegawai-waran-pu-butterworth-2)

BUTTERWORTH, 14 Feb 18 - Pangkalan Udara Butterworth menerima kunjungan dari Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM sempena sesi perjumpaan YBhg Panglima bersama semua Pegawai dan Pegawai Waran yang berkhidmat di PU Butterworth.



Acara yang diadakan di Dewan Setia turut dihadiri oleh Asisten Ketua Staf Operasi & Strategi, Ketua Staf MAWILUD 1, Timbalan Komander HQIADS, Pengarah Perkhidmatan dan P/Komander Pangkalan Udara Butterworth.



Di dalam perjumpaan ini beliau telah mengingatkan kembali tanggungjawab sebagai warga TUDM dimana aspek disiplin dan integriti menjadi intipati utama perjumpaan ini. Beliau juga menerangkan kepada hadirin mengenai kemudahan yang disediakan oleh kementerian pertahanan terhadap warga ATM seperti program SASAR, SAVe penyambungan dari 21 ke 26 tahun, Skim ASB Bank Muamalat dan lain-lain serta menggesa semua hadirin untuk menyampaikan kepada semua anggota supaya menggunakan semua kemudahan yang disediakan.



Program yang dijalankan secara santai ini juga dilihat telah mencapai objektif dimana hadirin yang hadir dapat beramah mesra dengan pucuk pimpinan TUDM serta mendapat maklumat mengenai isu-isu semasa berkaitan perkhidmatan ATM serta mengingatkan semua warga PU Butterworth supaya menjadi rakyat yang bertanggungjawab semasa pilihan raya umum yang akan datang.